

Malaysia #QuranHour perlu dianjur lebih kerap

KUANTAN 20 Jun - Program Malaysia #QuranHour yang berjaya mencetuskan gelombang mencintai kitab suci itu seharusnya dijadikan agenda tahunan yang tidak terhad pada bulan Ramadan sahaja.

Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP), Mohd. Nazri Sam-sudin, 37, yang menyertai program itu semalam berkata, pelbagai pihak perlu menggerakkan usaha supaya Malaysia #QuranHour dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya tiga kali dalam setahun melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dan latar belakang.

“Dalam usaha kita menggalakkan umat Islam membaca al-Quran, program berkenaan dilihat dapat mendidik masyarakat



membudayakan al-Quran.

“Terdapat dalam kalangan masyarakat yang alpa dan jarang membaca al-Quran, namun apabila sentiasa diuar-uarkan, maka sedikit sebanyak mengajak lebih ramai umat Islam untuk membaca kita suci itu,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* semasa menyertai program Malaysia #QuranHour bersama 150 lagi peserta di Masjid UMP di sini.

Dalam program yang diselia Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP itu, para peserta dibahagikan kepada 30 halaqah dengan setiap

halaqah yang diwakili lima orang membaca satu juzuk.

Selain di masjid tersebut, Malaysia #QuranHour turut diadakan di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Widad di sini serta beberapa lokasi lain di negeri ini.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Kolej Universiti Widad, Prof. Madya Muslina Muis berkata, penganjuran program tersebut dilihat memberi makna yang besar kepada umat Islam khususnya bagi meluangkan masa untuk membaca al-Quran.

“Program ini adalah satu platform bagi mengimarahkan bulan Ramadan yang bakal meninggalkan umat Islam tidak lama lagi serta dapat meningkatkan aspek kerohanian,” katanya.